



Ruj. Kami : BPAS/460/Jld. (25)
Tarikh : 25 Januari 2018

SENARAI SEPERTI EDARAN

Tuan,

NOTIS MAKLUMAN PERUBAHAN PROSEDUR SERAHAN WANG TAK DITUNTUT BAGI TAHUN 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kerajaan, Pendaftar Wang Tak Dituntut (WTD) telah membangunkan sistem serahan WTD yang baharu dan digunapakai mulai tahun 2018 (Daftar WTD seperti pada 31 Disember 2017). Oleh itu, adalah dimaklumkan bahawa terdapat perubahan pada prosedur dan format dokumen serahan WTD. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Serahan Wang Tak Dituntut (Edisi 2018) untuk rujukan tuan.

3. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak syarikat/firma untuk mematuhi tarikh akhir penyerahan dokumen WTD iaitu selewat-lewatnya 31 Mac 2018. Pihak syarikat/firma perlu memastikan serahan WTD kepada Pendaftar adalah lengkap dengan perkara berikut:

- i. Dua (2) salinan asal Borang UMA-4 (Pin.1/2018) - Serahan Wang Tak Dituntut; dan
- ii. Satu (1) salinan Daftar Wang Tak Dituntut (Pin. 1/2018) –*encrypted softcopy* yang disimpan dalam Compact disc (CD); dan
- iii. Bukti bayaran ke Akaun Bank Pendaftar; dan/atau
- iv. Satu (1) salinan asal Borang UMA-1 (Pin.1/2018) - Borang Pendaftaran Syarikat/Firma

4. Sekiranya memerlukan keterangan lanjut, pihak tuan boleh menghubungi pejabat ini melalui e-mel akaun.bwtd@anm.gov.my

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan"



(AYUB BIN ZAIDIN c.A.(M))

Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
b/p Pendaftar Wang Tak Dituntut